



# LENSA BANDAR RAYA JB

LENSA MBBJ BIL. 3/2023 | Julai - 15 Oktober 2023



## KEMERIAHAN HARI KELUARGA & KARNIVAL SUKAN MBBJ

Pelaksanaan Lesen Perniagaan & Iklan date to date basis



MBBJ Semarak Karnival Bitara Bahasa Negara



Anjuran Program Sempena Sambutan Hari Mental Sedunia



[www.mbjb.gov.my](http://www.mbjb.gov.my)

[facebook.com/mbjbrasmii](https://facebook.com/mbjbrasmii)



Imbas Kod QR  
Penerbitan Rasmi MBBJ

Memperkuh Daya Tahan Johor Bahru Ke Arah Bandar Raya Bertaraf Antarabangsa, Berbudaya Dan Lestari

# SIDANG PENGARANG

**PENAUNG**  
Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman,  
Datuk Bandar Johor Bahru

**PENASIHAT 1**  
Haji Miswan bin Yunus,  
Setiausaha

**PENASIHAT 2**  
Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad,  
Timbalan Setiausaha

**KETUA PENGARANG**  
Encik Harulisam bin Ismail

**PENGARANG/KOLUMNIS**  
Encik Mohd Syazwan bin Abdul Rauf  
Encik Muhammad Iqbal Arami bin Mohamed Sharif  
Cik Nurul Shafina binti Shaari  
Puan Nur Qurratuaini binti Kamaruzaman  
Puan Nabila binti Amran

**JURUFOTO**  
Haji Bahri bin Abdullah  
Encik Romzi bin Yusof

**URUS SETIA**  
Unit Penerbitan, Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam,  
Majlis Bandaraya Johor Bahru.



LENSA BANDAR RAYA JB diterbitkan oleh Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru dan diedarkan secara PERCUMA. Kami sangat mengalu-alukan sumbangan idea berupa artikel, cadangan atau komen daripada anda. Sila hantarkan cetusan kreatif anda kepada Unit Penerbitan, Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

© HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

## DIREKTORI TELEFON MBBJ

**Pejabat Datuk Bandar** 07-228 2600  
**Pejabat Setiausaha** 07-228 2626  
**Pejabat Timbalan Setiausaha** 07-228 2510

**Jabatan Pengurusan**  
Bahagian Korporat & Perhubungan Awam 07-219 8055  
Bahagian Undang-Undang 07-219 8256  
Bahagian Audit Dalam 07-219 8268  
Unit Integriti & Pemodenan Pentadbiran 07-219 8117  
Bahagian Sistem Maklumat Geografi 07-219 8197  
Unit Kerjasama Awam & Swasta 07-219 8234  
Bahagian Pesuruhjaya Bangunan 07-219 8273  
Unit Pusat Setempat 07-219 8285

**Jabatan Khidmat Pengurusan**  
Bahagian Teknologi Maklumat 07-219 8070  
Bahagian Sumber Manusia 07-219 8184  
Bahagian Pentadbiran 07-219 8170  
Unit Dasar & Kualiti 07-219 8159  
Unit Hal Ehwal Islam 07-219 8210  
Unit Mesyuarat 07-219 8022

**Jabatan Pelesenan**  
Bahagian Pelesenan (Pentadbiran) 07-219 8295

**Jabatan Perbendaharaan**  
Bahagian Hasil 07-219 8028  
Bahagian Perbelanjaan 07-219 8091  
Bahagian Ukur Bahan & Kontrak 07-219 8042

**Jabatan Penilaian**  
Bahagian Penilaian (Pentadbiran) 07-219 8231

**Jabatan Pengurusan Harta**  
Bahagian Pengurusan Harta (Pentadbiran) 07-219 8243

**Jabatan Perancangan Pembangunan**  
Bahagian Perancang (Pentadbiran) 07-219 8246

**Jabatan Kawalan Bangunan**  
Bahagian Kawalan Bangunan (Pentadbiran) 07-219 8202

**Jabatan Kejuruteraan**  
Bahagian Kejuruteraan (Pentadbiran) 07-219 8135

**Jabatan Pengangkutan Bandar**  
Pejabat Am (Pentadbiran) 07-221 5164

**Jabatan Pembangunan Masyarakat**  
Pejabat Am (Pentadbiran) 07-219 8039

**Jabatan Kesihatan**  
Pejabat Am (Pentadbiran) 07-228 2628

**Jabatan Penguatkuasaan**  
Pejabat Am (Pentadbiran) 07-227 1054

**Jabatan Landskap**  
Pejabat Am (Pentadbiran) 07-228 2636

## INTISARI BULETIN LENSA JB

**3** - Pelaksanaan Lesen Perniagaan & Iklan Secara 'Date to Date Basis'  
- MBBJ Terima Anugerah di 'The Edge Malaysia'

**4** Kembara Mahkota Johor 2023

**5** Karnival Bitara Bahasa Negara 2023

**6** - Majlis Perbarisan & Perarakan Hari Kebangsaan 2023  
Peringkat Daerah Johor Bahru  
- Demonstrasi 'Effective Microorganism'

**7** 'Malaysia International Marching Arts Championship 2023'

**8** Info Lawatan

**9** Info Kursus

**10** Kilas Lensa

**11** MBBJ Anjur Konvensyen Inovatif Kreatif

**12** Kemeriahan Hari Keluarga & Karnival Sukan MBBJ

**14** Majlis Perasmian Konvensyen Persatuan Pegawai Penilaian Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia 2023

**15** - Kejohanan Catur Piala Datuk Bandar Ke-13  
- Program Kembiri Kucing Cegah Risiko Jangkitan Penyakit Berbahaya

**16** Program Kesedaran Kesihatan Mental

**17** 'MBBJ Enforcement Fun Run 2023'

**18** Program Zon Ahli Majlis & LA21

**19** MBBJ Sana Sini

## PELAKSANAAN LESEN PERNIAGAAN & IKLAN SECARA 'DATE TO DATE BASIS'

Pada 3 Julai 2023, YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru telah melancarkan pelaksanaan lesen perniagaan dan iklan dengan tempoh lesen tahunan secara 'date to date basis' seurus selepas sesi Mesyuarat Penuh Bil. 6/2023 di Dewan Inai Merah, Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Langkah penambahbaikan ini diambil bagi menggalakkan pemohon lesen baharu membuat permohonan lesen sepanjang tahun berbanding menunggu hujung tahun kerana ingin memiliki lesen tahun berikutnya selain mengurangkan kos membayar lesen bagi tahun semasa.

Kini, semua permohonan baharu lesen perniagaan dan iklan yang diluluskan akan memiliki lesen tahunan dengan tempoh sah satu (1) tahun dari tarikh lesen diluluskan. Hal ini bermaksud, pembaharuan lesen perniagaan dan iklan adalah selewat-lewatnya 30 hari sebelum tarikh sah lesen perniagaan dan iklan tersebut tamat dan tidak lagi terikat pada tarikh 31 Disember tahun semasa seperti yang dilaksanakan pada sebelum ini.



# MBJB TERIMA ANUGERAH



THE EDGE  
BEST MANAGED  
& SUSTAINABLE PROPERTY  
AWARDS 2023

Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah menerima anugerah 'Special Mention Award' bagi kategori 'Below 10 Years: Specialised Category' (Menara MBBJ) dalam majlis anugerah 'The Edge Malaysia Best Managed & Sustainable Property Awards 2023' yang berlangsung pada 4 Julai 2023. Anugerah tersebut telah disampaikan oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, kepada YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru, di Hotel Hilton Kuala Lumpur. Sebanyak 39 projek hartanah seluruh negara telah disenarai pendek di peringkat awal dan hanya 30 daripadanya telah diberikan pengiktirafan dalam majlis anugerah ini. Tahniah dan syabas diucapkan!



## KEMBARA MAHKOTA JOHOR 2023

Kembara Mahkota Johor (KMJ) tahun ini 'mengembara' kembali setelah hampir tiga tahun tidak diadakan kerana pandemik Covid-19 yang melanda negara pada awal tahun 2020.

Program jelajah mendekati rakyat jelata Johor selama empat hari itu bermula pada 5 hingga 8 Ogos 2023 dan dipimpin oleh Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim.

Edisi kembara dengan menaiki kenderaan pacuan empat roda ini bermula dari perkarangan Istana Pasir Pelangi ke daerah Kota Tinggi dan Mersing iaitu pada hari pertama.

Pada hari kedua, Baginda berkenan menjelajah bertemu rakyat jelata di daerah Kluang, Segamat, Tangkak dan Muar. Baginda turut berkenan singgah di Kampung Lukut, Laman Kembara Paloh, Taman Eko Rimba Sungai Bantang dan Pekan Sagil.

Pada hari ketiga, Baginda meneruskan jelajah ke daerah Muar dan Batu Pahat dan telah mengunjungi lokasi iaitu Sawah Ring, Kompleks Penghulu Ayer Hitam dan Pusat Pertanian Botak.

Pada hari terakhir KMJ 2023, Baginda berkenan menjelajah ke daerah Pontian dan Kulai dan berkenan singgah di Taman Rekreasi Rambah dan Kompleks Penghulu Sedenak.



# KARNIVAL BITARA BAHASA NEGARA 2023

“Kepentingan memperkasa penggunaan Bahasa Melayu bukan sahaja sebagai medium komunikasi harian tetapi sebagai wahana untuk perkembangan ekonomi, penerokaan ilmu, penyatuan masyarakat berbilang kaum serta membentuk identiti dan jati diri yang boleh dibanggakan pada peringkat global.” - Datuk Bandar

YB Dato’ Haji Mohd. Noorazam bin Dato’ Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru, telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan dan Dekad Membaca Kebangsaan Negeri Johor 2023 dan Penutupan Karnival Bitara Bahasa Negara di Angsana Johor Bahru Mall pada 13 Ogos 2023.

Karnival Bitara Bahasa Negara ini telah berlangsung selama 4 hari bermula 10 Ogos lalu dengan pelbagai pengisian aktiviti seperti Pertandingan Kawad Kaki Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Peringkat Negeri Johor (Piala Datuk Bandar Johor Bahru), Pertandingan Deklamasi Sajak, Dendangan Syair dan Berbalas Pantun, aktiviti Kembara Maklumat, pertandingan mewarna, kuiz pintar jawi, pertandingan seni coret, pertandingan seni khat kreatif, pertandingan Koir Mutiara Daksina Sekolah Rendah Daerah Johor Bahru dan pameran agensi Kerajaan.





## Majlis Perbarisan & Perarakan Hari Kebangsaan 2023 Peringkat Daerah Johor Bahru

Sempena meraikan Hari Kebangsaan pada tanggal 31 Ogos tahun ini, MBBJ turut mengambil bahagian dalam acara Perbarisan dan Perarakan Hari Kebangsaan 2023 Peringkat Daerah Johor Bahru, di Dataran Bandaraya Johor Bahru. Majlis disempurnakan oleh YB Dato' Haji Mohd. Jafni bin Md Shukur, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor selaku wakil rasmi YAB Menteri Besar Johor. Tahniyah kepada kontinjen MBBJ yang telah memenangi kategori bagi 'Johan Perbarisan' dan 'Kategori Pakaian Tercantik' pada tahun ini.

## PROGRAM DEMONSTRASI PENGGUNAAN 'EFFECTIVE MICROORGANISM'

Pada 30 Ogos 2023, Jabatan Landskap Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengadakan 'Program Demonstrasi Penggunaan 'Effective Microorganism' (EM) Bagi Penyelenggaraan Landskap dan Sungai' bertempat di Hutan Bandar MBBJ.

Objektif program demonstrasi ini diadakan bertujuan memberi pendedahan berkaitan kebaikan penggunaan EM serta cara penggunaan bahan itu dalam penyelenggaraan landskap dan sungai yang mana turut dapat membantu pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar.

Program ini juga merupakan salah satu inisiatif di bawah 'Mampan JB' bagi menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs).

Seramai 38 peserta yang terdiri daripada anggota MBBJ, wakil kontraktor penyelenggaraan landskap lantikan MBBJ serta wakil komuniti dari Kebun Kejiranan MBBJ.

Taklimat demonstrasi telah disampaikan oleh En. Muhammad Adam bin Bustamam dari Syarikat Kemuncak Tegak Resources. Program ini diakhiri dengan membalik 'mudball' ke dalam tasik Hutan Bandar oleh peserta bagi tujuan mengawal dan meningkatkan kualiti air tasik.



# MALAYSIA INTERNATIONAL MARCHING ARTS CHAMPIONSHIPS 2023



Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dengan kerjasama Persatuan Seni Pancaragam Malaysia telah menganjurkan acara 'Malaysia International Marching Arts Championship' (MIMAC) 2023 serta dibantu oleh rakan-rakan strategik MY Iskandar Sdn. Bhd, IRDA, Johor Lady Loft, Marching Sport Art dan Gemersik Persona serta kerjasama daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Stixart Event. Program ini telah berlangsung selama tiga hari bermula 7 hingga 9 September 2023 bertempat di Arena MBJB Larkin, Johor Bahru.

MIMAC 2023 ini telah disertai oleh 1,200 peserta mewakili 19 pasukan dari empat (4) buah negara dan diiktiraf oleh 'World Association of Marching Show Band' (WAMSB). Empat buah negara tersebut termasuklah India, Indonesia, Sri Lanka dan Malaysia yang telah mempamerkan persembahan berwarna-warni dan beraneka rentak muzik menerusi pelbagai kategori yang dipertandingkan dalam kejohanan ini.





**LAWATAN DARI MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR**

18 Julai 2023: Lawatan penanda aras sempena pencapaian MBBJ bagi Anugerah Standard Pelancongan ASEAN tahun 2023-2025.



**LAWATAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

22 Julai 2023: Lawatan Teknikal di bawah Pentadbiran MBBJ; Kursus Pemantapan Pengurusan Bangunan Kediaman Berstrata.



**KUNJUNG HORMAT KEPADA DATUK BANDAR KUALA LUMPUR**

1 Ogos 2023: YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru telah membuat kunjungan hormat kepada YBhg. Datuk Sr. Haji Kamarulzaman bin Mat Salleh, Datuk Bandar Kuala Lumpur.



**LAWATAN MAJLIS DAERAH BEAUFORT, SABAH**

17 September 2023: Lawatan dari Majlis Daerah Beaufort yang bertujuan mendapatkan info berkenaan inovasi.



**KUNJUNG HORMAT YDP MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

12 September 2023: Datuk Bandar Johor Bahru telah menerima kunjungan hormat YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang.



**LAWATAN MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN**

19 September 2023: Mempelajari kaedah Pengecualian Kebenaran Merancang & Pelaksanaan Bayaran Fi Kebenaran Merancang.

**INFO LAWATAN**



**LAWATAN PLANMalaysia KE WESTLITE TAMPOI**

20 September 2023 : Lawatan teknikal ke 'Centre Labour Quarters' (CLQ) di kawasan 'Westlite Domitory' Tampoi Sdn. Bhd. di samping memberi pendedahan dan pengalaman kepada peserta mengenai penginapan pekerja berpusat.



**KURSUS INTEGRITI: GANGGUAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA**  
11 September 2023



**KURSUS PENGURUSAN  
PENGAUDITAN KONTRAK**  
13 - 14 Ogos 2023

# INFO KURSUS



**KURSUS PEMBANGUNAN MS ISO 37001:2016**  
17 - 18 Julai 2023



**KURSUS PENGURUSAN RAHSIA RASMI**  
5 Julai 2023



**BENGGEL LOCAL AGENDA 21 (LA21)**  
5 - 7 Julai 2023



**BENGGEL 'INTRODUCTION TO SUSTAINABILITY & ESG'**  
3 September 2023





**MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PERKHIDMATAN BAS MUAFAKAT JOHOR**

Pada 25 Julai 2023, Kerajaan Negeri Johor, Perbadanan Awam Negeri Johor serta Pihak Berkuasa Tempatan di Johor telah menjalin kerjasama memperkasakan perkhidmatan bas percuma menerusi Majlis Menandatangani Dokumen Perjanjian Bas Muafakat Johor di Hotel Renaissance, Johor Bahru.



**SESI PERKONGSIAN INFO OLEH DATUK BANDAR DALAM FORUM 'BUILDING CLIMATE RESILIENT CITY'**

Pada 10 Ogos 2023, Datuk Bandar Johor Bahru terlibat dalam perkongsian pandangan dan info dalam forum bertajuk 'Building A Climate Resilient City' bersempena 'Iskandar Malaysia Sustainability Summit (IMSS) 2023' di Sunway City, Iskandar Puteri.



**LATIHAN PENGUNGSIAN BANGUNAN, PRAKTIKAL PENCEGAHAN AWAL BENCANA**

Pada 14 September 2023, pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) bersama pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Larkin (BOMBA) telah menjalankan simulasi kebakaran dan pengungsian bangunan (fire & evacuation drill) di Menara MBJB.



**MBJB SEDIKAN 'AUTOMATED EXTERNAL DEFIBRILLATOR' DI TEMPAT TUMPUAN AWAM**

Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) kini telah memasang alat 'Automated External Defibrillator' atau AED di kawasan tumpuan umum di sekitar bandar raya Johor Bahru. AED berfungsi sebagai alat bantuan kecemasan serangan jantung secara tiba-tiba atau 'Sudden Cardiac Arrest'. Dalam keadaan ini, pemulihan pernafasan dan jantung (CPR) dan perangkat sengatan jantung AED amat diperlukan.

# KILAS LENSAS

**'JB NEON RECREATIONAL NIGHT' SARAT AKTIVITI MENARIK**

Pada 15 September 2023, telah diadakan program 'JB Neon Recreational Night' di Dataran Bandaraya Johor Bahru. Program kesukanan ini sarat dengan pelbagai aktiviti menarik seperti acara berbasikal, larian santai, senaman kecerdasan, persembahan muzik, pengumpulan minyak masak terpakai dan sebagainya.



Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat MBBJ telah diadakan pada 18 September 2023 di Dewan Kenanga, Menara MBBJ. Sebanyak tujuh (7) kumpulan telah menyertai Konvensyen KIK pada tahun 2023 dalam dua (2) kategori iaitu Kategori Inovasi Penyampaian Perkhidmatan dan Kategori Inovasi Sosial.

Johan Kategori Inovasi Penyampaian Perkhidmatan telah dimenangi oleh Kumpulan 'ENGINE AT WORK' (Jabatan Kejuruteraan) diikuti oleh Kumpulan AC (Jabatan Pengangkutan Bandar) dan Kumpulan 'QS' (Jabatan Perbandharaan); manakala Kategori Inovasi Sosial dimenangi oleh Kumpulan 'THE GREEN FINGERS' (Jabatan Landskap) diikuti oleh Kumpulan 'QS' (Jabatan Perbandharaan) dan Kumpulan 'Enforcer' (Jabatan Penguatkuasaan). Juara Keseluruhan KIK pula dimenangi oleh Kumpulan 'ENGINE AT WORK' (Jabatan Kejuruteraan).



## MBJB ANJUR KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF



# KEMERIAHAN HARI KELUARGA & KARNIVAL SUKAN MBBJ

Pada 12 Ogos 2023, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengadakan Hari Keluarga MBBJ yang telah berlangsung di Stadium Olahraga Johor, Taman Mount Austin, Johor Bahru. Hari Keluarga MBBJ diadakan bertujuan mengeratkan silaturahim, hubungan kekeluargaan dan keharmonian di antara warga kerja MBBJ dan ahli keluarga. Hari Keluarga MBBJ juga merupakan acara kemuncak bagi Karnival Sukan MBBJ 2023 yang telah diadakan dalam kalangan anggota MBBJ bermula pada 13 Julai 2023 yang lalu.




Pertandingan sukan yang dianjurkan sepanjang bulan Julai dan Ogos ini adalah mengikut lapan (8) buah rumah sukan iaitu Merah, Kuning, 'Turquoise', 'Royal Blue', 'Grey', Oren, 'Purple' dan Hijau. Antara acara sukan yang dipertandingkan termasuklah Bola Tampar, Dart Berpasukan, Bola Jaring, Karom Berpasukan, Futsal, Sepak Takraw, Ping Pong Berpasukan, Boling Berpasukan, Badminton Berpasukan serta acara Sukaneka pada Hari Keluarga MBBJ 2023.



Tahniah dan syabas diucapkan kepada pasukan 'Turquoise' selaku juara keseluruhan Karnival Sukan MBBJ tahun ini, diikuti oleh pasukan Merah sebagai naib juara dan pasukan 'Grey' di tempat ketiga. Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada seluruh barisan urus setia dan 'Team MBBJ' yang telah mengambil bahagian serta menjayakan Karnival Sukan MBBJ dan Hari Keluarga pada tahun ini.





# KONVENSYEN PERSATUAN PEGAWAI PENILAIAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN MALAYSIA

YB Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, telah menyempurnakan Majlis Perasmian Konvensyen Persatuan Pegawai Penilaian Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (PEPAM) di Dewan Kenanga, Menara MBBJ pada 2 Oktober 2023 lalu.

Seramai 202 orang dari 72 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh Malaysia telah mendaftar sebagai peserta konvensyen ini yang berlangsung selama tiga hari iaitu bermula 2 Oktober 2023 hingga 4 Oktober 2023.

Konvensyen ini diadakan bertujuan membincangkan isu-isu semasa di samping memberikan hala tuju yang lebih jelas berkaitan peranan profesion penilaian di sesebuah PBT.

Hadir sama dalam majlis tersebut ialah YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru, dan YBhg. Datuk Sr. Haji Kamarulzaman bin Haji Mat Salleh, Datuk Bandar Kuala Lumpur merangkap Pengerusi Persatuan Pegawai Penilaian PBT Malaysia.



## Kejohanan Catur Piala Datuk Bandar Ke-13

Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dengan kerjasama Persatuan Catur Negeri Johor telah mengadakan Kejohanan Catur Piala Datuk Bandar ke-13 pada 7 Oktober 2023. Kejohanan pada kali ini telah diadakan di Menara MBJB.

Seramai 220 peserta telah menyertai kejohanan ini dalam tujuh kategori iaitu Kategori Terbuka, Wanita, Terbaik Bawah 20 Tahun, Bawah 12 Tahun, Veteran, Orang Kelainan Upaya (OKU) dan Kategori Badan Kerajaan.

Johan kategori utama iaitu Kategori Terbuka telah dimenangi oleh Anderson Ang Ern Jie yang berasal dari Kuala Lumpur dengan membawa pulang wang tunai RM 1,300.00, medal, piala pusingan serta sijil penyertaan.




## Kembiri Kucing Cegah Risiko Jangkitan Penyakit Berbahaya

Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengadakan program kembiri kucing atau pemandulan kucing dengan kerjasama Persatuan Pengkasihan Haiwan Terbiar JB (Wira Kasseh) dan 'Cat Tiram Shelter' di Dewan Muafakat Taman Adda, Johor Bahru. Sebanyak 160 ekor kucing telah berjaya dikembirikan pada program ini dengan kerjasama tiga buah klinik veterinar yang terlibat. Turut diadakan, aktiviti sampingan seperti aktiviti mewarna untuk kanak-kanak serta jualan produk berkaitan haiwan itu.

Program ini merupakan program kembiri kedua yang telah dilaksanakan oleh pihak MBJB bersama pihak badan bukan kerajaan (NGO) bertujuan mengawal populasi kucing liar di kawasan MBJB serta membantu mengurangkan aduan awam berkenaan kucing di kawasan MBJB. Selain itu, pemandulan haiwan itu juga bertujuan mencegah risiko jangkitan penyakit berbahaya seperti barah, jangkitan bakteria, jangkitan kelamin dan sebagainya.



# PROGRAM KESEDARAN KESIHATAN MENTAL SEMPENA HARI MENTAL SEDUNIA PERINGKAT DAERAH JOHOR BAHRU



Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Johor Bahru telah mengadakan Program Kesedaran Kesihatan Mental sempena Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia. Program ini telah diadakan pada 10 Oktober 2023 di Dewan Kenanga, Menara MBJB.

Bertemakan 'Kesihatan Mental Untuk Semua', pelbagai pengisian aktiviti menarik telah diadakan seperti forum, kuiz dalam talian, sesi perkongsian oleh pegawai psikologi dan sebagainya. Peserta turut diberi peluang untuk membuat pemeriksaan kesihatan sendiri, melihat pameran rehabilitasi pesakit mental, aktiviti psikologi dan kaunseling, serta persembahan pameran dari PKD Johor Bahru, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Agensi Antidadah Kebangsaan.



# 'MBJB ENFORCEMENT FUN RUN 2023'

Jabatan Penguatkuasaan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) meraikan sambutan Hari Ulang Tahun Jabatan Penguatkuasaan yang ke-42 pada tahun ini.

Bersempena itu, telah diadakan program 'MBJB Enforcement Fun Run' pada 14 Oktober 2023 di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Jalan Ayer Molek, Johor Bahru. Program larian tersebut turut diadakan bersekali dengan program 'JB Car Free Day' yang diadakan pada hari yang sama.

Seramai kira-kira 1,000 peserta telah hadir memeriahkan acara ini. Peserta yang berdaftar turut diberikan medal, t-shirt, beg dan e-certificate.

Pelbagai aktiviti telah diadakan seperti acara larian santai 5km, acara berbasikal sepanjang 10km, acara berbasikal sepanjang 30km, pemeriksaan kesihatan percuma, pameran dan pengenalan MBBJ Spot V2, kaunter bergerak bagi mendapatkan pengurangan kompaun MBBJ, cabutan nombor bertuah dan sebagainya.



15 Julai 2023: Pra Pelancaran Anak Angkat Sungai Pandan & Gotong-Royong di Pandan Uptown, Zon Kangkar Daya



# PROGRAM ZON AHLI MAJLIS & LA21



17 Oktober 2023: Penyerahan Beras di PPR Sri Iskandar, Zon Bakar Batu



21 September 2023: Sambutan 25 Tahun Kempas di SMK Tan Sri Mohd Rahmat, Zon Kempas



23 Julai 2023: Program Titian Kasih di Kampung Sungai Tiram, Zon Tiram



29 Julai 2023: Konvoi Merdeka Jalur Gemilang di Pusat Komuniti Kempas, Zon Tampoi

16 September 2023: Program Komuniti Polis Bersama Masyarakat di Lotus Plentong, Zon Johor Jaya



16 September 2023: Program 'Salangai Poojai' di Auditorium JOTIC, Zon Taman Abad



**PROGRAM PEMBERSIHAN SUNGAI & PENANAMAN POKOK**  
Di Pandan Uptown, 7 Oktober 2023



**PROGRAM PEMBUDAYAAN AL-QURAN & MBBB BERSELAWAT**  
Di Dewan Kenanga, 12 Oktober 2023



**PENGUMUMAN PENJUMLAHAN RASMI UNDI PRK P161 PARLIMEN PULAI**  
Di Dewan Jubli Intan, 7 Oktober 2023



**PROGRAM KORBAN & AQIQAH PERINGKAT MBBB**  
Di Bengkel Mount Austin, 2 Julai 2023



**'JB CAR FREE DAY - FIT MALAYSIA' PERINGKAT NEGERI JOHOR**  
Di AEON Mall Bandar Dato' Onn Johor Bahru, 23 September 2023



**PERTANDINGAN 'SKATE BOARD' SEMENA HARI MALAYSIA**  
Di TMIYC Johor Bahru, 16 September 2023

# MBJB SANA SINI

**TAYANGAN 'BIG SCREEN' PIALA FA**  
Di Dataran Bandaraya Johor Bahru, 22 Julai 2023





**DAH BAYAR CUKAI HARTA?**  
Jom bayar cukai harta  
demi menjana kemakmuran  
& memberi kesejahteraan  
bandar raya kita.

**MISI PERKHIDMATAN PELANGGAN MBBJ**  
Memberikan Perkhidmatan Pelanggan  
Yang Efisien dan Mesra Kepada Pelanggan

#### **WAKTU URUSAN**

**KAUNTER SETEMPAT / KAUNTER BAYARAN  
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**

**Kaunter Setempat Menara MBBJ (Aras 3)**

Ahad - Rabu : 8.00 pagi - 4.00 petang  
Khamis : 8.00 pagi - 3.00 petang  
Waktu rehat : 1.00 tengah hari - 2.00 petang

**Kaunter Setempat Cawangan Johor Jaya**

Ahad - Rabu : 9.00 pagi - 4.00 petang  
Khamis : 9.00 pagi - 3.00 petang  
07-357 3314

**Kaunter Setempat Cawangan Permas Jaya**

Ahad - Rabu : 9.00 pagi - 4.00 petang  
Khamis : 9.00 pagi - 1.00 tengah hari  
07-386 1535

**Kaunter Pusat Transformasi Bandar  
(UTC) Galleria @ Kotaraya**

Setiap hari : 8.00 pagi - 5.00 petang  
07-221 4261

\* Tertakluk kepada pindaan



### **Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru**

No. 1, Jalan Lingkaran Dalam,  
Bukit Senyum,  
80300 Johor Bahru,  
Johor Darul Ta'zim

Talian Am	07-219 8000
Faksimili	07-223 0619
Talian Bebas Tol	1-300-88-0146
Whatsapp Aduan	019-778 8212
Laman SISPAA	mbjb.spab.gov.my
E-Mel	info@mbjb.gov.my